

06/09/2001

Singapura bimbang pertukaran kerajaan

Wan Hazmir Bakar

KUALA LUMPUR, Rabu - Singapura bersetuju menyelesaikan semua isu tertanggung dengan Malaysia kerana bimbang berlaku perubahan kerajaan di negara ini yang akan menyukarkan lagi rundingan pada masa depan, kata Menteri Kanannya, Lee Kuan Yew.

Sambil mendakwa pihaknya banyak bertolak-ansur kali ini, Lee berkata, Singapura berpendapat adalah lebih baik isu tertanggung sekarang diselesaikan pada masa ini dengan kerajaan yang diterajui Umno yang berpegang kepada janji.

Tambahan pula, katanya, Singapura mahu jaminan keselamatan bekalan air dari Malaysia selepas 2061 dan permasalahan itu tidak wajar dibiarkan berlarutan kerana ada antara isu sudah dipersetujui sebelum rundingan ini.

"Kami tidak mengalah dengan mudah tetapi kami memutuskan untuk mencapai persetujuan walaupun ia bukan sesuatu yang boleh saya katakan sebagai seimbang.

"Seandainya kita tidak mencapai persetujuan dan berlaku perubahan yang tidak disangka di Malaysia umpamanya... semoga ia tidak berlaku pada 2004... anda tidak ada lagi kerajaan yang diterajui Umno, maka kami perlu berunding dengan rakan baru. Ia tentu memberi masalah.

"Kami boleh terus bertegas dan menunggu berlaku perubahan itu tetapi kami mungkin berunding dengan kerajaan yang tidak boleh menunaikan janji," katanya pada akhir lawatan empat hari ke Malaysia, di sini hari ini.

Lee mengulas mengenai persetujuan yang dicapai berikutan perbincangan beliau dengan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, semalam yang merangkumi penjualan air oleh Malaysia kepada Singapura; pembangunan tanah milik KTM Bhd dan status Pusat Kastam, Imigresen dan Kuarantin.

Isu lain ialah penggunaan ruang udara Malaysia oleh Tentera Udara Republik Singapura dan pengeluaran wang caruman daripada Kumpulan Wang Simpanan Pusat Singapura (CPF) oleh pekerja Semenanjung.

Lee bagaimanapun berkata, perubahan kerajaan itu tidak mungkin berlaku pada 2004 tetapi bimbang kekuatan Umno akan berkurangan sehingga menjejaskan kekuatan kerajaan yang diterajuinya.

"Tidak mungkin Pas menang pada 2004...amat tidak mungkin tetapi agak mungkin untuk Umno hilang beberapa lagi kerusi, malah beberapa lagi negeri kepada Pas.

"Ia bukan sesuatu keputusan yang buruk tetapi ia akan menghakis kekuatan moral Umno," dakwanya.

Ditanya apakah Singapura bimbang Malaysia akan menyekat bekalan air ke republik itu, Lee berkata, beliau tidak fikir Kerajaan Malaysia akan berbuat demikian.

"Tetapi saya tidak pasti apa kerajaan yang tidak waras akan buat. Tiada kerajaan yang rasional akan mengambil langkah yang akan menjurus kepada campur tangan Majlis Keselamatan (Pertubuhan Bangsa-bangsa Bersatu) dan tindakan daripada kami untuk mempertahankan kepentingan kami.

"Maksud saya ia bukanlah sesuatu yang anda lakukan tanpa memberi kesan," katanya.

Ditanya apakah persetujuan yang dicapai itu adil, Lee berkata, terpulang kepada seseorang itu untuk menilainya tetapi mendakwa Singapura banyak bertolak-ansur.

"Kami meminta 150 juta gelen air mentah selepas 2061 tetapi mendapat 100 juta gelen saja. Kami menawarkan 12 bidang tanah di Bukit Timah dan kami bersetuju kenaikan tarif daripada tiga sen kepada 45 sen untuk bekalan air

sekarang," katanya.

(END)